

BAB II

JENIS-JENIS WAKAF

Majlis Ugama Islam Negeri Kedah mentadbirkan beberapa jenis wakaf. Tetapi semuanya boleh dikelaskan kepada dua jenis yang terbesar, iaitu 1) wakaf am dan 2) wakaf khas.

Wakaf Am

Wakaf am ditakrifkan sebagai "sesuatu wakaf yang kekal daripada modal dan pendapatan hartabenda kerana tujuan-tujuan ugama atau khairat yang diakui oleh hukum syarak dan juga harta-benda yang diwakafkan itu."¹ Dengan perkataan lain wakaf am boleh diertikan sebagai suatu pemberian untuk terus-menerus selama-lamanya dari modal atau pendapatan sesuatu harta untuk kemuslihatan ugama Islam amnya.

Dibawah kelas ini termasuk beberapa jenis wakaf seperti antara lain Wakaf Kenangan Maulid, Tabung Ibadat Wakaf dan Wakaf Jenba.

a) Wakaf Kenangan Maulid

Wakaf² ini diwujudkan bersenpena dengan Hari Maulid Nabi, iaitu sebagai kenangan harijadi Nabi Mohammad s.a.w. Majlis telah memulakan rancangan wakaf ini pada tahun 1965 atas inisiatif/^{Setiausaha} Baitul Mal dan Wakaf (pada ketika itu Haji Abdul Aziz b. Haji Ahmad Wan Besar).³ Sumber kewangan untuk menjayakan rancangan wakaf ini adalah dari sumbangan umat-umat Islam diseluruh negeri Kedah pada Hari Maulid Nabi pada tiap-tiap tahun bermula dari tahun pelancarannya. Tujuan rancangan wakaf ini adalah untuk

1. Seksyen 2, Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam 1962.

2. Mengikut istilah Majlis.

3. Sekarang Dato' Haji Abdul Aziz, Kadhi Besar Kedah.

memberi bantuan yang berupa pinjaman dan biasiswa/penuntut-^{kepada} penuntut Islam dinegeri Kedah. Dengan terlaksananya rancangan ini diharapkan Majlis dapat memainkan peranannya didalam pelajaran penuntut-penuntut Islam supaya mereka yang tidak berupaya dapat melanjutkan pelajaran menengah dan tinggi didalam dan diluar negeri.

Setakat ini Majlis belum lagi membelanjakan wang yang terkumpul terhadap membiayai penuntut-prnuntut Islam yang di cadangkan.¹

Kewangan

Segala kutipan-kutipan untuk tabung ini dari tiap-tiap daerah dihantar kepada Majlis. Majlis mengadakan suatu akaun khas untuk tabung ini. Sehingga 31.12.1975 wang yang terkumpul berjumlah \$ 70,348.29 (iaitu sebelum ditolak perbelanjaan). Sebahagian dari wang ini digunakan untuk membeli beberapa keping tanah bendang. Tanah-tanah bendang ini disewakan dan pendapatan dari sewaan ini dimasukkan semula kedalam tabung tersebut. Setelah ditolak perbelanjaan tabung ini masih mempunyai sebanyak \$ 37,741.88². Wang ini disimpan didalam bank dan faedah (bunga) yang diperolehi darinya dimasukkan didalam tabung Baitul-Mal.

Cadangan

Memandangkan begitu banyak wang yang masih ada maka inilah dicadangkan supaya ianya digunakan bagi menjaya dan

-
1. Temuramah dengan Pegawai Kerani Wakaf pada 4.5.76
 2. Sehingga 31.5.1975. Lihat Buku akaun Wakaf am.

memunaikan tujuan utama diwujudkan tabung ini. Penuntut-penuntut Islam di Kedah boleh mendapat faedah yang besar jika sebahagian dari wang ini dibelanjakan bagi membiayai pelajaran mereka. Majlis boleh juga mempelawakan pinjaman-pinjaman tanpa faedah kepada penuntut-penuntut yang kini banyak dapat memasuki universiti-universiti diluar dan didalam negeri. Rancangan ini adalah menjadi suatu dorongan kepada penuntut-penuntut yang tidak mampu meneruskan pelajaran disebabkan kekurangan wang. Juga dicadangkan bahawa bayaran balik kepada pinjaman-pinjaman ini boleh dibuat setelah pelajar-pelajar yang lulus pengajian mereka mulai bekerja selama enam bulan sekurang-kurangnya.

Selanjutnya sebahagian dari wang didalam tabung ini boleh dilaburkan dengan cara membeli saham dari syarikat-syarikat yang sah.¹ Cara ini dapat mengembangkan lagi modal wakaf dan ekoran dari ini lebih banyak lagi biasiswa dan pinjaman dapat dikeluarkan.

b) Tabung Ibadat Wakaf

Tabung Ibadat Wakaf mendapat kelulusan Majlis untuk dilaksanakan pada tahun 1965. Sumber kewangannya adalah dari sumbangan ahli-ahli jemaah tiap-tiap mesjid² di Kedah kepada tabung yang diperedarkan pada tiap-tiap hari Jumaat dan hari-hari ke-

1. Dari segi Hukum Islam.

2. Ada sebanyak 430 buah mesjid di Kedah.

besaran agama Islam yang lain. Pendapatan dari tabung-tabung ini dibahagikan dua, iaitu:

- i) untuk kegunaan kegiatan dan pentadbiran mesjid-mesjid sendiri, dan
- ii) sebahagiannya dihantarkan kepada ^Majlis. Pendapatan dari Tabung Ibadat Wakaf Mesjid Zahir,¹ Alor Setar, kesemuanya dihantarkan kepada ^Majlis. Ini adalah kerana pentadbiran mesjid ini dibiayai oleh peruntukan khas dari Kerajaan Negeri, dan pegawai-pegawai mesjid dibayar gaji khas. Didalam suatu keputusan mesyuarat ^Majlis pada 19.8.71. mengenai Tabung ini mesjid-mesjid dibahagikan kepada empat peringkat:

Peringkat A - Perolehan sebanyak \$ 70.00 hingga \$ 100.00 seminggu.

Peringkat B - Perolehan sebanyak \$ 40.00 hingga \$ 69.00 seminggu, ^Majlis ambil sebanyak \$ 10.00.

Peringkat C - Perolehan sebanyak \$ 20.00 hingga \$ 39.00 seminggu. ^Majlis ambil sebanyak \$ 5.00.

Peringkat D - Perolehan kurang dari \$ 20.00 seminggu, ^Majlis mengambil sebanyak \$ 1.00.²

Wang dari mesjid-mesjid yang dihantar kepada ^Majlis dimasukkan kedalam satu tabung yang dinamakan Tabung Wakaf di ujudkan khas untuk mengumpulkan pendapatan-pendapatan dari Tabung Ibadat Wakaf dan Rancangan Wakaf Jemba.³

Rancangan Tabung Ibadat Wakaf diujudkan bagi tujuan

1. Mesjid Besar Negeri Kedah.
2. Lihat Fail ^Majlis (K) 170, 1973.
3. Sejenis Wakaf. Lihat m.s. 24.

menghidupkan mesjid-mesjid diseluruh negeri dan juga untuk mengumpul modal orang-orang Islam supaya dapat membeli tanah untuk tujuan wakaf.¹ Dengan cara ini Majlis mengharapkan supaya tanah orang-orang Islam terpelihara.

Kedudukan Kewangan

Saperti dinyatakan diatas, Majlis mengumpulkan wang dari Tabung Ibadat Wakaf kedalam Tabung Wakaf. Sehingga 31.12.71². Tabung ini menunjukkan sebanyak \$ 32,172.90. Pendapatan dari Tabung Ibadat Wakaf Mesjid Zahir diasingkan dan sehingga ini Majlis belum menjalankan apa-apa rancangan dengan wang ini.

Jika Majlis membiarkan wang ini didalam bank sahaja, maka sudah tentu keuntungan³ yang didapati tidak begitu menggalakkan. Justeru itu disyorkan supaya lebih banyak tanah (bendang, kebun getah dan lain-lain) dibeli kerana kenaikan nilai tanah lebih cepat dan juga dengan cara ini tujuan asal penubuhan Tabung ini dilaksanakan.

Suatu Pandangan Undang-Undang

Ditinjau dari aspek Undang-Undang Islam sebenarnya, Tabung Kenangan Maulid dan Tabung Ibadat Wakaf tidak dapat diistilahkan sebagai wakaf dalam ertikata yang sebenarnya. Pertama, modal tabung ini adalah didalam bentuk wang dan dengan ini ianya termasuk didalam kelas barang atau harta yang tidak dapat kita

-
1. Temuramah dengan Kadhi Besar Kedah pada 5.5.1976.
 2. Tarikh ini diberi kerana buku Majlis tidak kemaskini pada masa penulis ini meneliti.
 3. Keuntungan disini termasuk faedah atau bunga dari bank.

mengambil manfaat darinya melainkan dengan merusaknya atau memisahkan dengannya¹. Adalah menjadi hukum yang disepakati para imam empat² bahawa barang-barang didalam kelas ini tidak sah diwakafkan. Maka wang hasil kutipan derma pada hari Maulid Nabi dan sumbangan pada tiap-tiap hari Jumaat itu tidak sah diwakafkan. Ianya semata-mata merupakan derma.

Kedua, wakaf yang sah memerlukan lafaz yang jelas dan nyata untuk tujuan dermakan. Seperti yang diketahui,³ penderma-penderma kepada kedua tabung ini tidak mempunyai niat atau tujuan untuk berwakaf dan jauh sekali memenuhi syarat lafaz atau sifah.

Berdasarkan kedua alasan diatas, maka tabung-tabung ini tidaklah boleh dipanggil atau dinamai sebagai wakaf. Permasalahan seterusnya ialah apakah sifat tanah yang dibeli dengan wang dari tabung-tabung ini?. Pendapat penulis ialah bahawa tanah ini juga tidak boleh dikatakan sebagai tanah wakaf oleh kerana ianya tidak memenuhi rukun-rukun wakaf yang memerlukan wakif atau pembuat wakaf dan lafaz wakaf.⁴ Siapakah tuannya kepada tanah yang dibeli ini, dan siapakah pihak yang menyempurnakan syarat lafaz wakaf didalam keadaan ini? Jika kita dapat menjawab kedua soalan ini, maka tanah-tanah yang dibeli boleh dikatakan sebagai tanah wakaf. Sebagai jalan keluar bolehlah dikatakan bahawa tuannya tanah-tanah ini ialah Majlis sendiri

-
1. Untuk perbincangan yang lebih mendalam mengenai hal ini Lihat Mohd. Zain b. Haji Othman, The Theory, Practice and Administration of Waqf State of Kedah, n.s.101-111
 2. Shiddiqy, Hukum Fiqh Islam", n.s. 159.
 3. Hal ini disetujui oleh Kadhi Besar Kedah sendiri didalam satu temuramah dengannya pada 5.5.76.
 4. Didalam satu temuramah pada 5.5.76, Kadhi Besar Kedah mengisiharkan tanah ini sebagai wakaf pada loghat sahaja.

berdasarkan seksyen-seksyen 90(2) dan 91(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1962.¹ Seksyen 90(2) menyatakan bahawa, "...

..... hendaklah Majlis menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf samada an atau khas bagi semua nazar an dan semua amanah dari serba jenis yang menjadikan sesuatu amanah khairat untuk bantuan dan kemajuan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikat Hukum Syarak setakat mana-mana hartabenda yang terkena padanya dan terletak didalam negeri ini dan jika pembuat atau orang lain yang membuat amanah, wakaf atau nazar an itu berkediaman didalam negeri ini setakat semua hartabenda yang terkena kepadanya walaupun dimana-mana letaknya"

Selanjutnya seksyen 91(1) memperuntukkan bahawa, "..... semua hartabenda jika terletak didalam negeri ini hendaklah diserahkan kepada Majlis dengan tiada apa-apa pertukaran, pemberian atau pindahan jua bagi maksud Baitul-Mal, amanah, wakaf atau nazar an yang dikenakan kepadanya." Justeru itu apabila tanah dipindahmilik kepada Majlis, maka ianya kekal didalam hakmiliknya.

Untuk menyempurnakan lafaz wakaf kita boleh menggunakan kuasa Mahkamah Kadhi Besar bagi mengisytiharkan tanah kepunyaan Majlis sebagai tanah wakaf. Dengan perkataan lain kita menganal kan doktrina siyasah² supaya membolehkan Mahkamah Syariah menggunakan kuasanya untuk membuat suatu peraturan khas didalam suatu

1. Undang-Undang Negeri Kedah, No. 9 Tahun 1962.

2. Lihat Ahmad Ibrahim "Islamic Law in Malaya", n.s 104.

berdasarkan seksyen-seksyen 90(2) dan 91(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1962.¹ Seksyen 90(2) menyatakan bahawa, "...
 hendaklah Majlis menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf sanad an atau khas bagi semua nazr an dan semua amanah dari serba jenis yang menjadikan sesuatu amanah khairat untuk bantuan dan kemajuan agama Islam atau bagi faedaf orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak setakat mana-mana hartabenda yang terkena padanya dan terletak didalam negeri ini dan jika pembuat atau orang lain yang membuat amanah, wakaf atau nazr an itu berkediaman didalam negeri ini setakat semua hartabenda yang terkena kepadanya walaupun dimanana-mana letaknya"

Selanjutnya seksyen 91(1) memperuntukkan bahawa, ".....
 semua hartabenda jika terletak didalam negeri ini hendaklah diserahkan kepada Majlis dengan tiada apa-apa pertukaran, pemberian atau pindahan jua bagi maksud Baitul-Mal, amanah, wakaf atau nazr an yang dikenakan kepadanya." Justeru itu apabila tanah dipindahmilik kepada Majlis, maka ianya kekal didalam hakmiliknya.

Untuk menyempurnakan lafaz wakaf kita boleh menggunakan kuasa Mahkamah Kadhi Besar bagi mengisytiharkan tanah kepunyaan Majlis sebagai tanah wakaf. Dengan perkataan lain kita menganalkan doktrina siyasah² supaya membolehkan Mahkamah Syariah menggunakan kuasanya untuk membuat suatu peraturan khas didalam suatu

1. Undang-Undang Negeri Kedah, No. 9 Tahun 1962.

2. Lihat Ahmad Ibrahim "Islamic Law in Malaya", n.s 104.

keadaan khas.

c) Wakaf Jenba

Wakaf Jenba ujud hasil dari buah fikiran Setiausaha Baitul-Mal.¹ Cadangannya diperbincangkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dan setelah diluluskan ianya dilancarkan pada bulan Januari, 1969. Istilah 'Wakaf Jenba' digunakan oleh kerana penjualan-beli tanah bagi tujuan wakaf berdasarkan yunit-yunit seluas sejenis seunit.

Cara perlaksanaannya ialah tanah bendang yang luas dibeli oleh Majlis dan dibahagikan kepada beberapa yunit kecil (484 yunit untuk serelong). Tiap-tiap yunit seluas sejenis dijual dengan harga \$ 3.00.² Untuk menentukan kedudukannya, yunit-yunit ini diberi nombor supaya pembeli atau bakal wakif mengetahui dengan tepat petaknya dan supaya tidak berlaku penjualan-beli dua kali. Orang-orang Islam digalakkan membeli seberapa yunit yang mampu bagi tujuan wakaf untuk:

- i) diri sendiri
- ii) kaum keluarga yang masih hidup, dan
- iii) kaum keluarga yang telah meninggal.

Didalam rancangan pertamanya Majlis telah membeli sekeping tanah bendang seluas lebih kurang 100 relong di Mukim Jeram, Daerah Kubang Pasu. Pembelian tanah-tanah ini dibahagikan kepada tiga:

1. Pada ketika itu Haji Abdul Aziz, sekarang Dato Abdul Aziz, Kadhi Besar Kedah.
2. Mulai tahun 1976 harga ini dinaikkan kepada \$ 4.00, menandakan kenaikan harga tanah, dan nilai tanah sekarang.

- I Geran No. 0215, tanah seluas 10 relong 367jenba, dibeli dengan kewangan dari Tabung^{II} aulid.
- II. Geran-Geran No. 0218 dan 0219, tanah seluas 16 relong 30 jenba, dibeli dengan kewangan dari Tabung Wakaf.
- III. Geran-Geran No. 0210, tanah seluas 17relong 186 jenba,
 0211, tanah seluas 9relong 374 jenba,
 0212, tanah seluas 9 relong 336 jenba,
 0213, tanah seluas 9 relong 132 jenba,
 0214, tanah seluas 9 relong 157 jenba,
 0215, tanah seluas 10relong 316 jenba,
 0216, tanah seluas 8 relong 076 jenba,
 dibeli dengan kewangan Baitul-Mal.¹

Sehingga 30.8.71. iaitu lebih kurang $2\frac{1}{2}$ tahun selepas pelancaran rancangan pertama, sebanyak \$ 66,485.96 telah dapat dikumpulkan. Dengan pendapatan ini, Majlis telah membuat keputusan supaya sebanyak 50 relong dari tanah dibelikan itu dipindahkan khas kepada Rancangan Wakaf Jenba. Tetapi oleh kerana keadaan tanah didalam geran tidak sama luasnya, maka dicadangkan Wakaf Jenba mengahbil-alih sebanyak 48 relong 347 jenba yang terdiri dari geran-geran no. 0211, 0212, 0213, 0214, dan 0216.

Didalam suatu laporan² yang dibuat pada tahun 1971

1. Lihat fail Majlis (K), 170, 1973.

2. Laporan mengenai wakaf jenba. Dari fail Majlis (K)170,1973.

mengenai rancangan ini, Majlis telah menyatakan bahawa hanya 24,200 unit sahaja dijual. Angka ini adalah kira-kira 1/25 bahagian dari jumlah penduduk Islam di Kedah yang pada ketika itu berjumlah lebih kurang 600,000. Majlis melaporkan bahawa kekurangan sambutan bukanlah kerana orang-orang Islam di negeri ini tidak berminat atau tidak mempunyai kesedaran untuk menga-
 malkan ibadat wakaf ini, tetapi ianya disebabkan kekurangan penerangan. Selanjutnya paparan ini mencadangkan supaya ^{pada} rancan-
 gan nasadepan, tanah-tanah didalan rancangan Wakaf Jenba di-
 bahagikan ^{kepada} semua Kadhi-Kadhi Daerah dan Kadhi-Kadhi dikehendaki
 melancarkan kempen didaerah masing-masing dengan bantuan dari Muballigh sukarela. Majlis akan memberi wakallah terus kepada
 pihak-pihak berkenaan dan ini akan menyenang dan melicinkan
 lagi pentadbiran. Dengan ini Kadhi-Kadhi Daerah tidak lagi
 perlu bersusah-payah menghantarkan pembeli-pembeli kepada pejabat
 pusat.

Rancangan Kedua Wakaf Jenba bermula setelah unit-unit didalan rancangan pertama habis dijual dan diwakafkan. Kali ini tanah bondang seluas 71 relong 480 jenba 6 kaki persegi dibeli di kawasan Kubang Pasu dengan kewangan yang dipinjam daripada Tabung Baitul-Mal.¹ Kadhi-Kadhi Daerah dilantik secara resmi
~~menjadi wakil~~ Majlis untuk menjual dan menyempurnakan perlaksana-
 an wakaf.

1. Wang webanyak \$ 100,000.00 dipinjam.

Cara Wakaf diujudkan

Wakaf ini diujudkan dengan cara bakal wakif terlebih dahulu membeli yunit yang disediakan itu. Salinan geran dikeluarkan dan kedudukan yunit-yunit ditunjukkan secara kasar kepadanya¹ (kedudukan yunit tidak dapat ditentukan dengan tepat sebab pelan tanah itu terlalu kecil untuk dilukiskan yunit-yunit didalamnya). Setelah peraturan jual beli diselenggarakan, maka wakif di suruh melafazkan seperti berikut;

" Aku wakaf kerana Allah Taala akan tanah milik aku yang terkandung didalam surat hakmilik.....untuk diri aku bagi nuslihat ugama Islam dan bagi faedah orang-orang Islam negeri ini amnya dan aku angkatkan Majlis Ugama Islam, Kedah menjadi nazir amanahnya, maka dengan ini berpindahlah daripada milik aku bagi Allah Taala dengan tidak boleh dijual, digadai, dihobah atau lain-lainnya selama-lamanya,....."²

Lafaz ini terdapat didalam borang yang disediakan dan berikutnya borang yang telah dipenuhi diberikan kepada wakif. Lafaz tersebut juga disaksikan oleh dua orang saksi yang turut meletakkan tandatangan mereka didalam borang berkenaan. Jika seseorang bertujuan untuk newakafkan tanah bagi pihak kaum keluarganya yang masih hidup atau yang telah meninggal, maka nama orang atau orang-orang ini dimasukkan didalam bahagian borang berkenaan.

1. Mengikut Pegawai Koperasi^B aitul-Mal, peta-peta dihantarkan kepada semua Kadhi Daerah, tetapi apabila berlaku penukaran, peta-peta ini hilang begitu sahaja-temuramah pada 20.5.76. Dalam satu temuramah dengan Kadhi Daerah Kota Setar pada 19.5.76, beliau menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai peta itu.
2. Lihat Lampiran C.

Untuk menggalakkan lebih ramai orang Islam menganalkan Ibadat wakaf, Majlis telah memberi kemudahan membayar kepada pegawai-pegawai kerajaan supaya membuat pembayaran dengan cara beransur-ansur setahun. Selanjutnya Majlis juga telah berusaha mendapatkan ^{kebenaran} bayaran dipotongnya dari gaji pegawai-pegawai kerajaan¹. Adalah menjadi tujuan Majlis didalam penyelenggaraan Wakaf Jenba ini supaya dapat diwujudkan suatu projek secara besar-besaran.

Kedudukan Kewangan

Pendapatan dari Wakaf Jenba dinasukan kedalam Tabung Wakaf. Pendapatan ini datang dari hasil tanah-tanah bendang yang disewakan oleh Majlis kepada beberapa orang pengusaha. Sehingga 30.12.75. Tabung Wakaf mempunyai wang sebanyak \$ 146,248.98 (sebelum ditolak perbelanjaan).² Tetapi bukan semuanya dari jumlah ini didapati dari tanah-tanah didalam Rancangan Wakaf Jenba. Sebahagian darinya adalah dari Tabung Ibadat Wakaf. Setakat ini Majlis belum mempunyai apa-apa rancangan dengan wang yang terkumpul.

Komen

Rancangan Wakaf Jenba merupakan suatu rancangan yang baik dan progresif. Pertama, lebih ramai lagi orang Islam dapat menganalkan ibadat ini. Memandangkan bahawa nilai sekeping tanah

1. Lihat fail Majlis (K) 170, 1973

2. Lihat Buku Akaun Tabung Wakaf.

hari ini begitu tinggi sekali, maka jika tidak diwujudkan rancangan seperti ini, orang-orang yang mempunyai pendapatan sederhana tidak dapat mewakafkan tanah seperti yang dianalkan oleh orang-orang Islam pada masa lampau. Dengan pelaksanaan rancangan ini kemudahan berwakaf disediakan bagi orang-orang Islam yang ingin berbakti kepada jalan Allah dan Ujama Islam.

Sekarang amalan wakaf bukan sahaja terbuka kepada orang-orang kaya yang mempunyai tanah yang luas dan harta yang banyak, tetapi ianya juga menjadi suatu kenyataan dan kemampuan bagi orang-orang Islam yang mempunyai sedikit wang berlebihan. Mereka yang ingin beramal makruf diberi kemudahan berwakaf.

Keduanya, rancangan Wakaf Jenba adalah menjadi suatu usaha kearah memperbaiki kedudukan ekonomi orang-orang Islam di-negeri ini yang seperti termaklum adalah cukup terbelakang. Ini lah suatu usaha bagi mengumpulkan wang dan harta orang-orang Islam supaya suatu nodal yang besar dapat diperolehi. Dengan nodal ini suatu projek ekonomi Islam yang besar dapat diusahakan.

Pandangan Undang-Undang

Pelaksanaan Wakaf Jenba menimbulkan beberapa persoalan dari aspek undang-undang Islam sebenarnya / pertama ianya mungkin tidak memenuhi syarat yang memerlukan supaya harta hendak diwakafkan itu ditentukan bahagian dan kedudukannya dengan tepat. Misalnya, tanah yang dipunyai bersama oleh beberapa orang mestilah ditentukan bahagian tiap-tiap seorang dan juga kedudukan bahagiannya itu

sebelum ia dapat mewakafkan harta miliknya itu. Jika bahagian dan kedudukan harta itu tidak dapat ditentukan dengan jelas, maka wakaf itu tidak sah.¹ Didalam Rancangan Wakaf Jenba, yunit-yunit yang dijual kepada wakif tidak dapat ditunjukkan kedudukannya dengan tepat dan pasti kepadanya kerana satu jenba merupakan yunit yang terlalu kecil dan justeru itu tidak dapat ditunjukkan didalam peta geran tanah itu. Dengan ini wakif tidak tahu dengan tepatnya kedudukan tanah yang hendak diwakafkannya. Didalam keadaan ini, bolehkah dikatakan bahawa wakaf itu sah? Penulis menegaskan bahawa ianya tidak sah kerana syarat tersebut tidak dipenuhi.²

Bagi menyelesaikan masalah ini, Majlis perlu menyediakan suatu plan yang besar untuk tanah yang dicadangkan bagi Rancangan ini dan yunit-yunit sejenba itu diterakan di atasnya. Plan-plan yang siap diterakan hendaklah dilekatkan didinding pejabat Majlis dan di tiap-tiap pejabat Kadhi Daerah. Dengan cara ini pembeli dapat mengetahui dengan tepat kedudukan yunit yang dinonborkan yang hendak diwakafkannya itu.

Kedua, wakaf jenba boleh dibuat untuk seorang yang telah meninggal. Perkara ini menimbulkan suatu persoalan, iaitu adakah sah wakaf yang dibuat bagi pihak orang yang telah meninggal? Suatu wakaf yang sah memerlukan lafaz dari pihak yang membuatnya atau dari wakilnya. Juga wakif hendaklah mempunyai hakmilik yang sempurna keatas hartanya sebelum ia boleh mewakafkan harta itu.

1. Lihat Bab I n.s. 9

2. Kadhi Daerah Kota Setar menyatakan bahawa beliau juga ragu-ragu akan sahnya wakaf tersebut - Teuranah pada 19.5.76

Didalam persoalan diatas pihak yang telah meninggal itu sudah tentu tidak berupaya menegang hakmilik yang sempurna. Apabila seorang meninggal segala hartanya terputus dari hakmiliknya; malahan harta kepunyaannya dahulu dengan sendirinya berpindah kepada orang lain (disini waris-warisnya). Tanpa hakmilik yang sempurna, maka wakaf bagi pihak sinati adalah tidak sah. Selanjutnya orang yang telah meninggal tidak berupaya mewakili. Justeru itu siapakah yang mewakili pihak yang menyempurnakan lafaz wakaf didalam Wakaf Jenba ini? Dengan kedua alasan ini, maka wakaf bagi pihak sinati adalah diragukan.

d) Lain-Lain Wakaf Am

Beberapa jenis wakaf am yang lain ditadbirkan oleh Majlis selain dari tiga jenis diatas. Sebahagian besar darinya adalah terdiri dari tanah-tanah bendang, kebun getah dan tanah syarat kampung untuk dijadikan tapak masjid dan tanah perkuburan, yang telah diwakafkan oleh orang-orang persaorangan sejak beberapa tahun yang lampau. Kesemua tanah ini telah dipindahmilik kepada Majlis¹ dan geran-gerannya disimpan dipejabat pusat di Alor Setar. Tiap-tiap daerah diperuntukan suatu buku khas dan didalamnya disenaraikan semua tanah wakaf am didaerah itu.²

Kedudukan Kewangan

Sumber pendapatan Wakaf Am yang lainnya (iaitu tidak termasuk Tabung Maulid Nabi, Tabung Ibadat Wakaf dan Wakaf Jenba)

1. Lihat s. 90(2) Eneknem Pentadbiran Undang-Undang Islam, Kedah, 1962.

2. Lihat m.s. 66 - 70.

adalah dari tanah-tanah bendang dan kebun getah yang disewakan.

Perolehan ini dimasukkan didalam suatu akaun khas Wakaf An.

Berikut ialah senarai pendapatan mengikut tahun, bermula dari tahun 1965:¹

1965	---	\$ 11,327.02
1966	---	\$ 2,178.11
1967	---	\$ 4,569.94
1968	---	\$ 4,795.30
1969	---	\$ 4,836.80
1970	---	\$ 5,791.67
1971	---	\$ 4,609.30
1972	---	\$ 6,079.15
1973	---	\$ 6,076.20
1974	---	\$ 7,083.45
1975	---	\$ 9,890.70

Oleh itu sehingga 31.12.75. wang yang terkumpul berjumlah \$ 67,255.64.²

Pentadbiran

Semua wakaf an ditadbirkan secara langsung oleh Majlis. Tanah-tanah bendang dan kebun-kebun getah disewakan kepada pihak-pihak tertentu untuk dikerjakan. Dari masa kenasa Majlis menghantar pegawai-pegawai luarnya untuk membuat lawatan dan pengawasan perjalanan usaha tanah-tanah ini. Segala hasil dihantar

-
1. Pada tahun 1965, Majlis Ugama Islam Kedah ditubuhkan dan ianya menganbilalih pentadbiran dari Jabatan Ugama Kedah.
 2. Dari Buku Akaun Wakaf An Majlis.

terus kepada Majlis oleh pihak yang mengusahakan tanah.

Tanah-tanah syarat kampong yang diwakafkan secara am untuk tapak mesjid dan tanah perkuburan dan juga untuk kegunaan umum dibiarkan didalam keadaan asalnya. Setakat ini Majlis belum mengambil apa-apa inisiatif untuk memajukannya sebelum ianya digunakan bagi sesuatu tujuan. Tanah-tanah ini mungkin terbiar selama beberapa tahun tanpa memberi apa-apa hasil.

Cadangan

Eloklah sesuatu rancangan diusulkan oleh Majlis. Untuk meringankan bebanan kakitangan dipejabat pusat, Majlis boleh menyerahkan pentadbiran tanah-tanah ini kepada Kadhi-Kadhi Daerah dan dengan kerjasama Jawatankuasa Kariah yang berdekatan atau orang-orang tertentu, maka Rancangan Buku Hijau boleh dinajukan.

Wakaf Khas

Eneknen Pentadbiran Undang-Undang Islam, Kedah, 1962,¹ mentakrifkan Wakaf Khas sebagai " suatu wakaf yang kekal daripada modal hartabenda kerana tujuan-tujuan ugama atau khairat yang diakui oleh Hukum Syarak dan juga hartabenda yang diwakafkan itu yang pendapatan daripadanya dibayar kepada orang-orang atau bagi maksud yang ditetapkan didalam wakaf itu." Dengan perkataan lain wakaf khas adalah pemberian yang kekal dari modal hartabenda yang ditujukan khas kepada orang atau sekumpulan orang, atau untuk suatu tujuan atau beberapa tujuan, seperti yang dinyatakan didalam lafaz wakaf.

1. Seksyen 2(1)

Contoh-contoh wakaf khas yang ditadbirkan oleh Majlis ialah wakaf khas anak-cucu, Wakaf Khas kepada sesebuah mesjid, madrasah atau tanah perkuburan dan Wakaf untuk sekolah.

a) Wakaf Khas kepada Mesjid dan Madrasah

Sebelum Majlis ditubuhkan, beberapa Wakaf jenis ini telah pun wujud. Biasanya pihak yang ingin mewakafkan hartanya melafazkan niatnya dihadapan imam atau jawatankuasa mesjid atau Madrasah, guru agama dan juga dihadapan anak-cucunya sendiri. Setelah Majlis tertubuh pihak-pihak ini dikehendaki melafazkan semula dipejabat Majlis (jika wakif masih hidup), dan untuk masa depan bakal wakif boleh melafazkan niatnya dihadapan Kadhi Daerah atau dipejabat Majlis sendiri. Jika tanah-tanah yang diwakafkan berbentuk bendang, ladang geteh atau tanah yang diusahakan, Jawatankuasa Karriah akan melantik seorang yang diamanahkan untuk mengutip segala perolehan dan menghantarkannya kepada mesjid berkenaan. Mengikut peraturan Majlis,¹ mesjid-mesjid dikehendaki menghantar semua pendapatan dari Wakaf Khas kepada pejabat pusat untuk disinpan, tetapi dari segi analan perkara ini tidak dikuatkuasakan.² Suatu buku akaun khas disediakan oleh Majlis dan tiap-tiap mesjid yang menghantar perolehan dari Wakaf Khas diberikan halzaman khas dimana akaunnya direkodkan.

Segala perbelanjaan yang diperlukan oleh mesjid untuk apa-apa rancangan bolehlah diambil dari akaun mesjid itu dengan cara

1. Lihat n.s. 42.

2. Lihat Bab III, n.s. 91 dan 92.

menohon kepada Majlis. Sebanyak 15% dari pendapatan Wakaf di simpan oleh Majlis bagi maksud perbelanjaan pentadbiran dan cukai tanah. Dengan peraturan ini Majlis mengharapkan bahawa penyalahgunaan harta wakaf oleh Jawatankuasa Kariah dapat dielakkan.

Menurut Peraturan 15(1) AJK, 1969,¹ jumlah wang yang boleh disimpan ditangan Bendahari Jawatankuasa Kariah hendaklah seperti ditetapkan oleh Majlis dan Peraturan 15(2) memberikan kuasa kepada Majlis untuk membuat arahan diatas cara-cara wang berlebihan daripada keperluan tahunan itu disimpan. Ini adalah bagi maksud:

- i) melaksanakan tanggungjawab Majlis sebagai penegang amanah yang tunggal kepada harta-harta wakaf didalam negeri ini.
- ii) mengawal perbelanjaan-perbelanjaan Jawatankuasa Kariah diatas projek-projek luar tahunan dan luar jangka.
- iii) menanbah kepercayaan anak-anak jemaah kepada Jawatankuasa Kariah dan Majlis diatas pentadbiran kewangan majlis.

Didalam suatu mesyuarat Majlis pada 24.8.75² suatu keputusan dibuat supaya Majlis mengeluarkan arahan-arahan dibawah Peraturan 15(2), bagi menjayakan maksud diatas. Arahan-arahan tersebut menyatakan:

1. Hendaklah Jawatankuasa Kariah mengemukakan kepada Majlis

1. Aturan-Aturan Jawatankuasa Kariah, 1969.
2. Lihat fail Majlis No. (801)

melalui Kadhi Daerah nyata kira-kira menunjukkan:

- a) kedudukan kewangan dan hartanya sepertimana pada tarikh penyediaan nyata itu.
 - b) keperluan perbelanjaan bulanan dan jumlah tahunan baginya untuk pengesahan dan persetujuan Majlis.
2. Hendaklah Jawatankuasa Kariah serahkan kepada Majlis semua tabung mesjid yang berlebihan daripada keperluan tahunan yang ditetapkan oleh Majlis.
 3. Kira-kira ananah akan disediakan oleh Majlis berasingan bagi setiap Jawatankuasa Kariah.
 4. Pada bila-bila masa Jawatankuasa Kariah boleh meminta kepada Majlis melalui Kadhi-Kadhi Daerah bagi mengeluarkan sebahagian atau keseluruhan wang tabungnya dengan memberikan alasan-alasan bagi perbelanjaan yang dicadangkan itu.
 5. Majlis sebagai nazir ananah yang tunggal bagi harta-harta wakaf didalam negeri adalah berhak membuat satu-satu keputusan untuk melaburkan atau memperniagakan wang kumpulan kira-kira ananah mesjid-mesjid setelah mendapat persetujuan Jawatankuasa Kariah.
 6. Hendaklah Jawatankuasa Kariah yang berakhir tempoh kemukakan kepada Majlis melalui Kadhi Daerah nyata kewangan pada tarikh lucut tempohnya.
 7. Hendaklah Jawatankuasa Kariah baru yang dilantik di dalam dua bulan dari tarikh pengesahan oleh Majlis,

kerukakan cadangan perbelanjaan tahunannya untuk persetujuan Majlis.¹

Komen

Setelah diteliti buku akaun Wakaf Khas didapati bahawa sebanyak 30 buah mesjid² diseluruh negeri mempunyai tanah-tanah wakaf. Tetapi sebilangan besar dari mesjid-mesjid ini telah tidak lagi menghantar perolehan dari tanah-tanah wakaf itu kepada Majlis. Tindakan ini bertentangan dengan peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang telah diputuskan oleh Majlis mengenai serua Wakaf Khas. Penulis mendapati bahawa keengganan Jawatan-Kuasa Kariah menghantar perolehan kepada Majlis adalah kerana susahnyanya mendapat wang itu semula apabila diperlukan oleh mesjid untuk menjalankan sesuatu kegiatan.³ Kadangkala pihak Jawatan-kuasa Kariah terpaksa berulang-alik kepejabat pusat Majlis beberapa kali sebelum mereka mendapat wang yang dipelrukanannya. Adakalanya pihak mesjid terpaksa menunggu beberapa minggu sebelum Majlis menghantarkan wang yang dipohonkan itu. Perkara ini menjadi suatu bebanan dan masalah kepada mesjid-mesjid yang terletak jauh dari pejabat Majlis. Masalah menjadi lebih rumit apabila sesebuah mesjid memerlukan wang dengan cepat untuk melancarkan sesuatu kegiatan yang mendesak dan darurat. Kelewatan mendapat wang daripada Majlis boleh menghindarkan perjalanan-licin kegiatan-kegiatan mesjid. Setelah mengalami beberapa kesulitan

1. Lihat fail Majlis No. (801).

2. Lihat senarai pada n.s. 46 dan 47.

3. Temuramah dengan Tuan Haji Abdul Hamid b. Haji Mohammad, ahli Jawatankuasa Kariah, mesjid Kota Kuala Muda, pada 14.5.76, dan Pegawai Kerani Baitul-Mal pada 18.5.76.

begini Jawatankuasa Kariah telah bertindak untuk menyimpan perolehan mereka sendiri walaupun tindakan yang diambil bertentangan dengan Peraturan-Peraturan Majlis.

Cadangan

Perkara ini dapat diatasi melalui suatu sistem pentadbiran yang cekap dan efisien. Berlakunya ketidakefisienan ini disebabkan oleh sistem pentadbiran kita sendiri dimana sesuatu permohonan terpaksa melalui beberapa peringkat sebelum ianya diluluskan. Apa yang dapat dilakukan ialah supaya diringkaskan 'pita merah' atau 'red tape' yang menjadi penghalang kepada keefisienan ini. Seorang pegawai sahaja yang diberi dan mempunyai tanggungjawab penuh boleh memproses dan mempercepatkan permohonan dari mesjid-mesjid.

Kedua, kerumitan ini dapat diatasi jika Majlis boleh mewakili tugas khas ini kepada Kadhi-Kadhi Daerah yang mempunyai hubungan lebih dekat dengan mesjid-mesjid didaerahnya. Penglibatan Kadhi-Kadhi adalah lebih personal. Justeru itu adalah lebih sesuai tugas ini diberikan kepada mereka. Dengan cara ini juga beban-kerja Majlis dipusat dapat diringankan. Majlis boleh membuat pengawasan melalui pemeriksaan dari masa kesenasa untuk mengelakkan penyelewengan.

Kedudukan Kewangan

Buku akaun Wakaf Khas mesjid dan madrasah menunjukkan kedudukan kewangan seperti tersebut:

Bil	Mesjid	Sehingga tarikh	Jumlah €
1.	Air Hitam	1.1.72	1,374.95
2.	Haji Kudong	1.11.72	147.26
3.	Teluk Cingai	1.1.74	3,951.69
4.	Derga, Tg. Musang & Jabi	16.2.74	2,440.00
5.	Tok Bulang	1.1.75	10,625.80
6.	Langgar	1.1.74	4,380.62
7.	Pekan Sik	1.1.72	510.00
8.	Mahang, Kulin	10.12.74	942.45
9.	Dalan Wang, Baling	1.1.72	382.00
10.	Ruat, Yan	-	-
11.	Kota Kuala Muda	1.1.72	480.00
12.	Alor Merah	1.1.75	1,616.82
13.	Cerok Bakong, Baling	1.1.72	221.00
14.	Dulang Tengah, Yan	1.1.72	76.50
15.	Air Terjun, Mkn. Tebengau	1.1.72	330.20
16.	Pekan Yan	1.1.74	176.00
17.	Canglun	1.1.72	850.00
18.	Banggol Besi, Kulin	1.1.72	169.50
19.	Sungai Kub, Kulin	1.1.72	20.00
20.	Sungai Pengas, Kulin	1.1.75	635.64
21.	Junjong, Kulin	1.1.72	108.90
22.	Terap, Kulin	1.1.72	40.00
23.	Kulin	1.1.72	100.00

Bil.	Mesjid	Sehingga tarikh	Jumlah ₹
24.	Pulau Pisang & Madrasah Isyakiah	1.1.76	1,428.36
25.	Kuala Sungai Muda	12.1.74	-
26.	Pulau Tinbul, Mk. Jeran.	16.9.75	3,155.84
27.	Tanjung Pauh	13.2.74	163.00
28.	Air Hangat, Langkawi	18.3.74	336.60 ¹

Mesjid Kota Kuala Muda²

Mesjid Kota Kuala Muda diambil sebagai contoh kerana didapati kegiatannya didalan bidang wakaf sungguh menggalakkan. Mesjid ini mula bergerak dengan dua bidang tanah terdiri dari bendang seluas 4 relong dan kebun seluas lebih kurang 3 relong, yang telah diwakafkan kepadanya. Pendapatan dari tanah-tanah ini, iaitu lebih kurang ₹ 300.00 setahun dibelanjakan untuk pentadbiran mesjid dan sebahagian darinya ditabungkan. Dengan wang yang terkumpul pegawai-pegawai mesjid telah menyewa sebidang tanah sebanyak 9 lot di Pekan Kota dan mendirikan dua buah bangunan untuk dibuat kedai-kedai. Kesemuanya empatbelas buah kedai disiapkan dan disewakan dengan harga ₹ 8.00 sebuah sebulan. Pada mulanya kedai-kedai ini di tadbirkan oleh sebuah Jawatankuasa Pengelola, tetapi suatu penyelewengan telah berlaku dimana pendapatan dari penyewaan ini tidak diserahkan kepada mesjid.

-
1. Lihat Buku Akaun Wakaf Khas Majlis.
 2. Temuranah dengan Tuan Haji Abdul Hanid bin Haji Mohammad, Ahli Jawatankuasa Karich mesjid Kota Kuala Muda, pada 14.5.76.

Setelah ditubuhkan Jawatankuasa Kariah pada tahun 1965, suatu penyelidikan dibuat dan didapati bahawa kedai-kedai ini adalah hakmilik mesjid. Pada tahun 1970 Jawatankuasa Kariah membuat tuntutan keatasnya, tetapi Jawatankuasa Pengelola Kedai menafikannya. Akibat dari suatu perjumpaan yang dihadiri oleh Yang diPertua Majlis, Pegawai Daerah dan Kadhi Daerah, kedai-kedai diserahkan balik kepada mesjid bersama dengan wang tunai sebanyak \$ 3,000.00. Setelah menganbilalih Jawatankuasa Kariah membuat keputusan untuk membeli kesemua tanah 9 lot yang menjadi tapak bangunan kedai. Suatu kenpen diadakan untuk menbiayai pembelian ini kerana mesjid kekurangan sebanyak \$ 3,000.00. Hasilnya 2 lot berharga \$ 1,000.00 selot dibeli oleh dua orang individu untuk diwakafkan kepada mesjid dan wang sebanyak \$ 2,500.00 didapati dari kumpian derma. Sekarang tanah 9 lot itu menjadi tanah wakaf khas kepada mesjid. Semenjak tarikh ambilalih hingga tahun 1974, perolehan yang terkumpul dari semua harta wakaf mesjid berjumlah lebih kurang \$ 11,000.00. Dengan wang ini 3 relong tanah bendang kepunyaan seorang cati dibeli oleh Jawatankuasa Kariah. Berikutan dari ini 2 relong lagi tanah bendang ditambahkan kepada harta wakaf mesjid; 1 relong diwakafkan oleh seorang ahli Kariah dan yang serelong lagi dibeli oleh mesjid.

Semua tanah bendang kepunyaan mesjid disewakan, tetapi perolehannya tidak dihantar kepada Majlis. Jawatankuasa Kariah berpendapat adalah lebih baik mereka mentadbirkan harta wakaf ini

sendiri (walaupun tindakan ini bertentangan dengan peraturan Majlis). Menurut seorang ahli Jawatankuasa Kariah,¹ Majlis boleh mengawasi kegiatan mereka (Jawatankuasa) dengan cara menyemak penyata kira-kira yang disimpan. Juga beliau menyatakan adalah menjadi suatu kesulitan jika perolehan dihantarkan kepada Majlis kerana permohonan mendapatkan wang adalah cukup lambat. Walau bagaimanapun beliau mengatakan lambat laun Majlis akan mengambilalih pentadbiran semua harta wakaf didalan negeri sebagai penegang amanah tunggal. Perkara ini dapat dijalankan setelah sistem pentadbiran Majlis diperbaiki supaya ianya lebih cekap.

b) Wakaf Khas Anak Cucu

Wakaf ini dibuat khas bagi faedah anak-cucu wakif sendiri dan biasanya faedah ini berterusan sehingga kepada sekalian zuriatnya. Dari fail Majlis didapati tanah bersyarat bondang dan juga kampong diwakafkan. Saperti wakaf-wakaf lain tanah-tanah ini dipindahmilik kepada Majlis. Untuk menyenangkan pentadbiran dan untuk mengelakkan penyalahgunaan harta, Majlis membuat peraturan supaya semua pendapatan dihantarkan kepadanya. Dari jumlah ini, Majlis menotong 15% sebagai perbelanjaan pentadbiran dan cukai tanah. Pentadbiran Wakaf Khas anak-cucu tidak mendatangkan keuntungan atau perolehan kepada Majlis.² Malahan ianya membebankan dan menimbulkan masalah kepada Majlis kerana kadangkala didapati anak-cucu wakif melanggar syarat-syarat didalan lafaz wakaf.³

-
1. Haji Abdul Hamid b. Hj. Mohamad.
 2. Lihat fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa, pada 1.5.66
 3. Temuranah dengan Setiausaha Baitul-Mal dan wakaf, Majlis Ugama Islam, Kedah, pada 20.5.76

Majlis juga terpaksa membayar cukai tanah kerana harta-harta telah dipindahmilik kepada Majlis. Pembayaran cukai tanah merupakan suatu perbelanjaan hangus oleh Majlis dimana tanah wakaf tidak mendatangkan apa-apa hasil atau pendapatan darinya terlalu sedikit. Sebagai jalan keluar, sekarang Majlis mencadangkan untuk menyerahkan balik harta-harta ini kepada waris-waris supaya mereka dapat mentadbirkannya sendiri. Waris-waris dikehendaki melantik seorang penegang amanah untuk mentadbirkannya.

1) Wakaf Haji Ismail bin Hakim Mohd. Saman.

Wakaf Khas tersebut dibuat pada 28hb Ramadhan, 1334 oleh Haji Ismail bin Hakim dan ditujukan untuk faedah anak-cucu dan zuriatnya. Ianya melibatkan sekeping tanah bendang dan kanpong seluas 27 relong 459 jenba dan 25 kaki persegi di Mukim Titi Gajah. Didalam suratan lafaz wakaf, wakif telah melantikkan anak-anaknya, Haji Mustafa dan Mohd. Saman sebagai penegang amanah. Tetapi setelah berkuatkuasanya Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1962, Majlis sendiri menjadi nazir amanah. Lafaz wakaf dibuat dengan begitu teliti sekali dan telah didaftarkan. Berikut diwujudkan lafaz ini:

".....maka pada 28hb Ramadhan, 1334, menyuruh sanda (saya) Haji Ismail bin Haji Hashim Mohd. Saman akan memperbuat akan surat ikrar diri hamba itu beritahunya kepada anak hamba Haji Mustafa dan Mohd. Saman maka adalah akan tanah bendang sanda yang tersebut, telah hamba wakafkan kerana Allah Taala diatas jalan kebajikan dan hamba jadikan nazir yang menerintah tanah itu anak

hanba Hj. Mustafa dan Mohd. Saman selama ada hayat kedua orang, kemudian pulang nazirnya itu kepada yang terlebih salih daripada anak-cucu keduanya didahulukan lelaki diatas perempuan, maka boleh nazir-nazir itu perintah kutipkan sewa tanah itu, maka kemudian daripada dikeluarkan apa-apa belanja yang lazim diatas tanah itu akan bakinya boleh diperbuat kenduri juga kepada sonda dan beri sedekah dan upah baca Quran dan hantar kenegeri Mekahjika boleh dihantar, didalam ini jika ada lebih boleh diperbuat oleh nazir-nazir apa-apa pekerjaan yang jadi keelokan pada pandangannya, maka tiada boleh dijual atau gadai atau sebarang tasrif bagi menghilangkan 'ain harta itu atau jadi pecah a wakaf itu selama-lamanya..... Dan telah hanba berlafaz wakaf itu dengan cukup sekalian syaratnya didalam masa sihat badan dan sempurna akal dan lulus sekalian tasrif hanba pada syarak dan adat dengan kata-kata hanba " telah aku wakafkan tanah bandang dan kampong aku yang tersebut itu diatas jalan kebajikan dan aku syaratkan bahawa dikerja oleh nazir yang memerintah tanah itu seperti yang tersebut diatas itu selama-lamanya....."¹

Dalam surat an lafaz wakaf disebutkan bagaimana wakaf itu hendak ditadbirkan. Wakif melantikkan anak-anaknya sendiri sebagai penegang amanah dan kemudian kepada anak cucunya yang terlebih salih, didahulukan lelaki diatas perempuan.

1. "Lihat Lampiran D.

2. Wakaf Tuan Sheikh Mohamad Idris bin Jamal Fathani.

Tanah bersyarat bendang, kampong dan nipah seluas 8 relong 157 jenba dan 20 kaki persegi telah diwakafkan untuk " faedah Tuan Sheikh Mohamad Idris, turun temurun sampai kepada anak cucu dan sekalian zuriatnya, maka jika putus zuriatnya kemudian kepada fuqorok-fuqorok." Tuan Sheikh Mohamad Idris ialah seorang guru ugama. Untuk menghargai sumbangannya, beberapa orang telah membeli tanah ini untuk diwakafkan kepadanya turun temurun. Anaknya Haji Abdul Rahman dilantik sebagai penegang amanah. Didalam suratan lafaz wakaf dinyatakan bahawa Tuan Sheikh Idris telah menerimanya dengan sebutan, "Aku terimalah wakaf seperti tersebut itu....." Suratan wakaf juga menyatakan bahawa penerima dan zuriatnya boleh menganbil " khasiat diatas tanah itu (di) jadikan permakanan." Tanah ini mendatangkan nasaalah kepada Majlis kerana Majlis terpaksa membayar hasil tanah, walhal perolehannya tidak dihantar kepadanya. Untuk mengatasi nasaalah ini, Majlis telah membuat keputusan untuk menyerahkannya balik kepada waris-waris dengan syarat dilantik salah seorang dari mereka menjadi nazir amanah dan nazir ini hendaklah menbahagikan perolehan-perolehan tanah itu menurut syarat-syarat wakaf tersebut.¹

Komen

Keputusan Majlis mengenai wakaf Tuan Sheikh Mohd. Idris adalah menghairankan kerana ianya berlawanan dengan peruntukan seksyen 90(2) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, Kedah,

1. Lihat fail Baitul-Mal Majlis (K) 810.

yang menyatakan bahawa Majlis hendaklah menjadi penegang amanah tunggal bagi semua wakaf dinegeri ini. Dengan keputusan ini Majlis telah mengabaikan kuasa dan tugas-tugas yang diberi kepadanya. Keputusan ini boleh meletakkan suatu duluan (precedence) dimana waris-waris yang lain atau pihak-pihak yang mempunyai kepentingan terhadap mana-mana harta wakaf, boleh mendesak Majlis supaya memberi kemudahan yang sama kepada mereka. Sekarang Majlis bukan lagi menjadi penegang amanah tunggal seperti yang diperuntukkan didalam Enakmen. Disini kita mendapati suatu kelemahan pada pentadbiran Majlis dan ada kemungkinan pihak-pihak lain menggunakan kelemahan ini untuk membawa tindakan mendapatkan pemulihan dari Mahkamah Sivil.

Sebaiknya Majlis harus mencari jalan lain untuk menyelesaikan masalah wakaf tersebut. Dengan kuasa yang ada padanya Majlis sepatutnya membuat desakan supaya waris-waris membayar 15% dari perolehan tanah itu untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran. Jika ini tidak berjaya, tindakan-tindakan lain boleh diambil, tetapi apa-apa tindakan yang diambil tidak seharusnya mengenenpikan tugasnya sebagai penegang amanah yang tunggal.

Suatu Pandangan

Pentadbiran Wakaf Khas Anak-Cucu perlu dikaji semula oleh Majlis dan juga pakar-pakar syariah. Wakaf ini diwujudkan dengan tujuan supaya tidak apa-apa penjualan atau pindahmilik dikuatkuasakan diatas harta simati dan supaya anak-cucu dan

zuriatnya dapat menikmati harta itu selama-lamanya. Masaalah timbul apabila bilangan anak-cucu sinati bertambah ramai dan mereka mendesak untuk menguatkuasakan hak mereka keatas harta wakaf. Biasanya didapati tanah yang diwakafkan itu terlalu sedikit dan hasil darinya terpaksa dibahagi-bahagikan diantara anak-cucu wakif. Ini menyebabkan pembahagian yang tidak ekonomis dan ianya tidak menolong meninggikan taraf hidup orang-orang Islam dinegeri ini. Selain dari ini dimana harta wakaf merupakan tanah untuk tapak kediaman, masaalah timbul apabila terlalu ramai waris siwakif ingin mendirikan rumah diatas tanah itu. Selanjutnya didapati beberapa orang anak-cucu wakif yang tidak mendapat apa-apa faedah dari haknya. Perkara ini menimbulkan pertelingkahan diantara mereka dan masaalah kepada Majlis. Ada juga didapati beberapa keping tanah wakaf khas anak-cucu yang berharga yang terletak dikawasan bandar terbiar begitu sahaja tanpa dinajukan.

Majlis perlu mencari jalan untuk memperbaiki keadaan tanah-tanah wakaf ini. Untuk masa depan, adalah dicadangkan supaya peraturan-peraturan khas dimasukkan didalam Kanun Wakaf yang dicadangkan,¹ untuk tidak menghalakkan orang-orang Islam neujudkan wakaf khas kepada anak-cucu dan zuriatnya tanpa batasan. Wakaf Khas anak-cucu patut digalakkan sehingga peringkat cucu wakif sahaja dan setelah kehabisan cucu, harta wakaf itu patut ditujukan kepada orang-orang miskin atau digunakan untuk kepen-

1. Lihat Bab IV, m.s. 103.

tingan masyarakat Islam umumnya.¹ Oleh kerana pengujudan semua wakaf hari ini perlu dilafazkan dihadapan Majlis atau wakilnya, maka Majlis patut menyediakan lafaz wakaf dengan meletakkan orang miskin atau Majlis sendiri sebagai penerima yang muktamad. Lafaz itu bolehlah berbunyi, ".....aku mewakafkan akan tanah milik aku yang terkandung.....bagi maslihat anak-cucu ku dan kemudian kepada orang-orang miskin." Dengan cara ini Majlis mempunyai hak yang sepenuhnya keatas tanah wakaf dan ia (Majlis) boleh menguruskannya dengan bebas mengikut budibicaranya sendiri sesuai dengan keperluan-keperluan masyarakat Islam semua.

1. Lihat Bab I, n.s. 11

c) Wakaf Khas kepada Sekolah
dari

Selain Wakaf Khas kepada masjid dan anak-cucu, terdapat beberapa koping tanah terutamanya tanah bendang, diwakafkan khas kepada Sekolah-sekolah Uqama. Tanah-tanah ini disewakan dan perolehan darinya digunakan bagi faedah pelajar-pelajar dan pentadbiran um sekolah-sekolah ini. Didalam fail Majlis, didapati Wakaf Khas kepada sekolah-sekolah Maktab Mahmud dan Tarbiyah, keduanya terletak di Alor Setar.

Sebidang tanah bendang seluas 68 relong 439 jamba diwakafkan oleh Cik Gayah binti Mohd. Yusof kepada Maktab Mahmud. Didalam surat lafaz wakaf, wakif menperuntukkan supaya " faedah tanah itu digunakan " pada ruslihat Al-Ma'ahadul Mahmud, sekolah Arab, Alor Setar, Kedah, " Kemudian jika tiada Maktab Mahmud ini, " maka faedah yang terdapat dari tanah ini hendaklah dibelanjakan kepada ruslihat pelajaran uqama Islam." Hal ini dapat dijalankan dengan cara menyerahkan " kepada Kerajaan faedahnya pinta diatitkan supaya dipilih mana-mana budak didalam negeri ini yang boleh dihantar pergi belajar uqama di Mekah atau Mesir sekadar yang boleh mencukupi perbelanjaan daripada perolehan tanah ini sehingga beberapa lama sekalipun." Sekiranya gagal tujuan-tujuan diatas, maka dinyatakan, " supaya dihantar perolehan daripada tanah ini perbuat apa-apa yang boleh digunakan bagi

-
1. Al-Ma'ahad Mahmud.
 2. Al-Tarbiatul Islamiyah.

kebajikan agama di Mekah." Dengan ini didapati bahawa wakaf khas ini akhirnya bertukar menjadi wakaf an bagi kebajikan agama, jika sekiranya tidak dapat dijalankan tujuan-tujuan asalnya. Selanjutnya diperuntukkan supaya " barangsiapa yang menjadi guru besar al-Haahad ini" dijadikan nazir amannya, " selama tiada nyata guru besar itu khianat pada menjalankan apa-apa perkara yang bersangkutan dengan tanah ini." Jika berlakunya pengkhianatan, maka Jawatankuasa Maktab diberi kuasa untuk melantik penegang amanah yang baru.¹

Selain dari tanah ini, sekeping tanah bendang seluas 8 relong 250 jenba dan 20 kaki persegi, diwakafkan oleh Tengku Mohd. Jiwa, dan sekeping tanah bersyarat kangung seluas 200 jenba diwakafkan oleh Mohd. Kassim bin Mohd. Hashim, kepada Maktab. Dari masa kesenasa, Maktab telah dapat membeli beberapa keping tanah bendang dengan perolehan yang berlebihan. Dibawah ini disenaraikan tanah-tanah yang dibeli:

1. 9 relong 213 jenba dikawasan Permatang Bonggor Jerlun.
2. 16 relong 32 jenba dikawasan Mukim Goyang, Kubang Rotan.
3. 7 relong 461 jenba didaerah Megat Dewa, Kubang Pasu.
4. 7 relong 461 jenba didaerah Megat Dewa, Kubang Pasu.
5. 4 relong didaerah Padang Hang, Kota Setar.
6. 2 relong didaerah Padang Hang, Kota Setar.

1. Lihat Lampiran F.

Sekarang pembelian ini dihentikan kerana menurut Guru Besar Maktab,¹ audit tidak membenarkannya diatas alasan bahawa semua perolehan hendaklah digunakan bagi muslihat penuntut-penuntut. Penulis berpendapat bahawa alasan ini tidak meyakinkan kerana seksyen 16 Enakmen Lembaga Maktab Mahmud 1967,² memperuntukkan bahawa "Harta Kumpulan Wang itu, sekadar yang tidak mustahak dibelanjakan oleh Lembaga menurut Enakmen ini, hendaklah dilaburkan dengan apa-apa cara yang difikir patut oleh Lembaga. Akan tetapi syaratnya Lembaga tiada boleh melaburkan dalam saham atau bon yang dikeluarkan atau didaftarkan, atau lain-lain harta yang terletak diluar Malaysia kecuali dengan kebenaran Perbendaharaan Persekutuan." Justeru itu jika didapati kewangan berlebihan setelah dibelanjakan bagi muslihat penuntut-penuntut sekadar yang mustahak, maka Lembaga sepatutnya melaburkannya dengan tujuan memperbanyakkan lagi harta wakaf Maktab. Lembaga boleh mengambil inisiatif untuk membeli tanah-tanah yang mendatangkan perolehan atau lain-lain pelaburan yang dibenarkan.³

Semua tanah bendang "kepunyaan" Maktab disewakan dan anggaran pendapatan harta-harta ini pada tahun 1975 ialah \$ 8,722.81 . Wang ini dibelanjakan bagi maksud-maksud tersebut:

1. Dermasiswa kepada penuntut-penuntut:

-
1. Ustaz Abu Bakar bin Haji Kassim. Peruramah pada 23.5.76.
 2. Bil. 5, 1967.
 3. Oleh Enakmen Lembaga Maktab Mahmud, 1967.

Pada tahun 1975 Maktab mengeluarkan 10 dermasiswa kepada penuntut-penuntut SPH dan 10 kepada penuntut-penuntut SRP. Kadarnya ialah \$ 20.00 sebulan untuk SPH dan \$ 15.00 sebulan untuk SRP.

2. Alat-alat sekolah dan alat-alat perkakas mesjid Maktab.
3. Biasiswa dan pinjaman untuk menghantar pelajar-pelajar ke Mesir bagi meneruskan pelajaran tinggi.
4. Sumbangan kepada pembinaan mesjid Maktab sebanyak \$ 24,000.00.
5. Bayaran hasil tanah.
6. Bayaran saguhati kepada pegawai tanah-tanah Maktab.

Wakaf Khas Maktab Mahmud berbeza dari wakaf-wakaf Khas yang lain kerana ianya ditadbirkan oleh suatu Lembaga khas dan bukannya Majlis.

Wakaf Khas kepada sekolah Tarbiah adalah didalam bentuk 3 bidang tanah bendang, iaitu:

1. 4 relong 463 jenba di Mukin Jerlun.
2. 4 relong 181 jenba di Mukin Padang Lalang, Kota Setar.
3. 3 relong 183 jenba 40 kaki persegi di Mukin Pering, Kubang Pasu.¹

Pendapatan dari penyewaan tanah-tanah ini dihantarkan kepada Majlis dan sehingga 17.9.74 akaun menunjukkan jumlah \$ 1,433.00.²

-
1. Dari Fail Wakaf Maktab Mahmud.
 2. Dari buku akaun Wakaf Khas Majlis.

Pada Januari, 1973, Sekolah Tarbiah diambilalih oleh Lembaga Maktab Mahmud dan dinamakan sebagai Maktab Mahmud (Puteri).

Maktab Mahmud

Maktab Mahmud ditubuhkan pada 19hb Jun, 1936 (bersamaan 29hb Rabialawal, 1355) oleh Kerajaan Negeri Kedah. Pada masa tahun 1968, Pentadbiran Maktab diserahkan kepada suatu Lembaga apabila Enekmen Lembaga Maktab Mahmud diluluskan oleh Majlis Perundangan Negeri.¹ Enekmen ini menjadikannya (Lembaga) bertaraf Perbadanan. Lembaga Maktab mempunyai kuasa "memperolehi dan memegang harta takalih dan harta alih dan melepaskan atau dengan jalan lain membuat apa-apa berkenaan dengannya."²

Beberapa orang bekas penuntut Maktab telah dihantar ke universiti di Timur Tengah dengan biasiswa dari harta wakaf Maktab. Dari kenyataan-kenyataan dan perengkani diatas bolehlah dikata^{kan} bahwa wakaf-wakaf khas Maktab Mahmud telah dan masih memainkan peranan yang penting didalam kemajuan Uqama Islam Kedah.³

1. Lihat Nota-kaki 3, m.s 58

2. Seksyen 3(1) Enekmen Lembaga Maktab Mahmud, 1967.

3. Lihat juga Mahanad Zain bin Haji Othman, The Theory, Practice and Administration of Wakaf with Special Reference to the Malayan State of Kedah - Tesis PhD di Universiti St. Andrew, Scotland, 1970- m.s. 383

Wakaf Taklik

Wakaf Taklik boleh ditakrifkan sebagai wakaf yang di-gantungkan perolehannya oleh wakif semasa hayatnya.¹ Ini bermakna bahawa apabila wakif meninggal dunia dengan sendirinya segala perolehan itu terpulangmilik kepada Majlis.

Wakaf ini sengaja diasingkan dari yang lain oleh kerana sifat-sifatnya yang tersendiri. Ianya boleh dikelaskan sebagai Wakaf Am atau Wakaf Khas. Cara ianya diwujudkan adalah sama seperti wakaf-wakaf yang lain, tetapi didalam lafaz wakaf disertakan taklik atau syarat yang ^{in l} dinyatakan, ".....dan aku gantungkan pemberian faedah kepada yang diwakafkan itu dengan mati aku." Harta yang diwakafkan itu dipindahmilik kepada Majlis (jika berupa tanah, maka pindahmilik disempurnakan didalam geran).

Latar belakang

Wakaf ini diwujudkan atas cadangan Setiausaha Baitul-Mal.² Pada 23hb Mei, 1966, buah fikiran ini dibenteng kepada Jawatankuasa Fatwa dan diperbincangkan. Jawatankuasa Fatwa sebulat suara bersetuju meluluskannya berdasarkan beberapa nas.³ Di-antaranya dibawa nas dari Kitab Hashiyah 'ala Minhaj al-Tullab, karangan Bajirmi yang menyatakan bahawa sah wakaf dengan taklik mati, misalnya " Aku wakafkan rumah aku ini setelah aku mati kepada orang-orang miskin."⁴ Dengan kelulusan ini, maka suatu

1. Lihat Fail Majlis (K) 170, 1973.

2. Lihat nota-kaki 3, n.s.24

3. Menurut Sheikh Abdul Majid, Yang di Pertua Majlis dan juga Pengerusi Jawatankuasa Fatwa, didalam temuramah pada 20.4.76.

4. Bajirmi, "Hashiyah 'ala Minhaj al-Tullab, Cairo, 1819, n.s. 228

fatwa dikeluarkan yang menyatakan bahawa wakaf sah ditaklikkan dengan mati.

Sehingga hari ini, dua wakaf taklik telah disempurnakan. Pertama, sebidang tanah bendang seluas 5 relong 51 jenba yang terletak di Anak Bukit telah diwakafkan pada 6.6.65 oleh Rabiiah binti Abdul Salam dan berikutennya; tanah bendang seluas 10 relong 165 jenba dan 40 kaki persegi telah diwakafkan pada 6.6.68 oleh Hajjah Azizah dan Hajjah Zainab.¹

Pandangan Undang-Undang

Wakaf taklik menimbulkan beberapa persoalan dari segi Syariah. Adakah wakaf ini sah atau tidak mengikut Undang-Undang Islam sebenarnya perlu diselidiki dari beberapa aspek. Aspek pertama ialah bahawa wakaf ini adalah seakan-akan wasiat kerana ianya berkuatkuasa setelah wakif meninggal dunia. Jika wasiat, maka harta yang diwakafkan tidak boleh melebihi $\frac{1}{3}$ dari harta peninggalan simati.² Persoalan yang timbul ialah adakah taklik merupakan suatu wasiat? Dari pelaksanaannya, wakaf ini tidak dapat dikatakan sebagai suatu wasiat kerana harta telahpun dipindahmilik kepada Majlis, (pindahmilik menjadi suatu unsur wakaf ini). Dengan lain perkataan pindahmilik harta disempurnakan sebelum wakif meninggal. Justeru itu ianya bukan wasiat, kerana didalam sebuah wasiat pindahmilik belum disempurnakan

1. Dari buku rekod wakaf Majlis. Fail-Fail Majlis No. Maj.(K) 107 dan Ugana (K) 131-65
 2. Nawawi, "Minhaj-at-Talibin," London, 1914, m.s. 260.

Kedua, adalah menjadi suatu syarat bahawa wakaf yang sempurna hendaklah disegerakan pindahmilik harta yang terlibat.¹ Disini pindahmilik semestinya bermakna pindahmilik modal (corpus) dan juga faedah (usufruct) harta itu. Didalam penyelenggaraan wakaf taklik, hanya modal harta bergindahmilik, tetapi faedah-nya, iaitu hasil perolehan dari harta itu, masih dipogang atau di-terima oleh wakif.² Ini bermakna wakif belum bergisah dengan hartanya sepenuhnya pada ketika ia melafazkan tujuan wakafnya itu. Atau dengan perkataan lain, wakif melambatkan penyerahan hartanya. Penahanan harta atau faedah harta itu melanggar syarat-syarat sesuatu wakaf kerana apabila seorang rela mewakafkan hartanya, ia mestilah juga rela bergisah dengan harta itu. Pelaksanaan ibadat wakaf tidak mempunyai makna jika wakif masih memegang kepada hartanya. Juga adalah menjadi resional wakaf supaya wakif bergisah dengan hartanya. Perkara ini dicerminkan oleh maksud al-Quran yang berbunyi, "Kamu sekali-kali belum sampai kepada kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu membelanjakan sebahagian harta yang kamu cintai."³

Ketiga, didalam suatu wakaf, wakif hanya berkuasa untuk mengaturkan bagaimana harta yang diwakafkannya itu harus di-tadbirkan dan siapa yang akan mentadbirkannya. Kuasanya ber-

-
1. Mohamad Zain bin Haji Othman, *Op.cit*, n.s 54.
 2. Majlis tidak mempunyai hak menambil hasil atau faedah dari harta itu.
 3. Al-Quran, Ali Luran: 92

henti setakat ini sahaja, bermakna bahawa ia tidak lagi mempunyai kuasa mengawal faedah yang diperolehi dari harta itu dan mengazbil dan menikmati manfaat darinya. Juga apa-apa syarat yang bertentangan dengan prinsip wakaf mempunyai kesan membatalkan wakaf itu. Didalam Wakaf Taklik, wakif masih menguasai hartanya dan mendapat manfaat darinya. Justeru itu taklik mati sebagai syarat wakaf membatalkan wakaf itu atau menjadikan syarat itu gugur dengan sendirinya. Jika syarat itu gugur, maka Majlis mempunyai hak sepenuhnya keatas faedah harta wakaf.

Persoalan seterusnya ialah apabila wakif meletakkan syarat bahawa selagi ia masih hidup ia boleh mendapat hasil dari harta itu, bermakna bahawa ia (wakif) seolah-olah mewakafkan harta itu bagi faedah dirinya sendiri. Pendapat yang sahih mengatakan bahawa wakaf kepada diri sendiri adalah tidak sah.¹ Dengan ini kesimpulan yang boleh dibuat ialah bahawa wakaf taklik yang mempunyai unsur wakaf kepada diri sendiri adalah tidak sah.

Beberapa orang pegawai Majlis² berpendapat bahawa Wakaf Taklik belum sempurna sebelum wakif meninggal dan ianya disempurnakan oleh kematian wakif seperti juga wasiat. Perkataan 'sempurna' yang digunakan oleh pegawai-pegawai tersebut didalam konteks ini membawa makna 'berkuatkuasa'. Justeru itu sebenarnya mereka mengatakan bahawa wakaf taklik belum 'berkuatkuasa' sebelum wakif meninggal dan ianya dikuatkuasakan oleh kematian

1. Nawawi, *Op.cit* n.s 230

2. Dato Sheikh Abdul Majid, Yang diPertua Majlis Ugama Islam, Kedah. Haji Yahya b. Mohamad, Kadhi Litar, Kedah Utara. Dato Hj. Abdul Aziz, Kadhi Besar, Kedah.

wakif. Disini mereka menyanakan Wakaf Taklik dengan wasiat.¹ Pendapat ini boleh dihujahkan dari dua aspek. Pertama, Wakaf Taklik tidak boleh disamakan dengan wasiat kerana sebab-sebab diatas. Kedua, setelah diterima bahawa Wakaf Taklik tidak sah sebelum kematian wakif maka perlu disoal apakah yang mengesahkan wakaf itu setelah wakif meninggal? Adalah ditegaskan bahawa suatu wakaf yang tidak sah tidak boleh disahkan oleh kematian wakif.

• Persoalan-persoalan diatas bukan sengaja ditimbulkan sebagai suatu 'latihan akademik' untuk menentang nas-nas dari Kitab-Kitab Shafi'iah yang dirojokkan. Pengarang-pengarang Kitab-Kitab tersebut tidak membincang dan membahaskan persoalan persoalan ini dengan teliti. Apa yang didapati ialah suatu kenyataan yang dibuat didalam suatu contoh tanpa perbincangan yang mendalam. Jika perkara ini muncul di Mahkamah Tinggi akibat dari rayuan waris sinati² yang tidak puashati terhadap penganbilan tanah oleh Majlis, maka persoalan-persoalan ini sudah tentu akan diperbincangkan. Justeru itu, Majlis perlu meneliti segala keputusan yang dibuatnya supaya masalah tidak berbangkit dinasadepan.

1. Juga lihat H. Sulaiman Rasjid, " Fiqh Islam," Djakarta, n.s. 326 dan Al-Qulyubi, " Qulyubi wa-'Uncirah," Juzu' 3, n.s. 103.
 2. Lihat kes Commissioner of Religious Affairs v. Tengku Mariam 1970 IMLJ 222, Juga lihat Bab I, n.s. 20-23.

Senarai Tanah-Tanah WakafDaerah Kota Setar

Mukim	Syarat	Nonbor Surat Keterangan	Luas	Tarikh Serah Milik	Jenis Wakaf
1. Anak Bukit	Bendang	SP 10706	5r. 51j.	6.6.65	Taklik
2. Derga	Mesjid & Kubur	SPK 4249	2r. 291j	14.4.66	an
3. Alor Merah	Bendang	SP 7849	2r. 392j.	23.11.66	khas
4. Langgar	Kampung	SPK 7159	280r 49j.	7.2.67	an
5. Tobiar	Bendang	SPK 23873	268r.	23.10.67	an
6. Tebengau	Bendang	OT(M) $\frac{1}{1968}$	4 ekar	9.2.68	khas
7. Mergong	Bendang	SPK 4771	10r. 165j. 40kp ¹	6.6.68	Taklik
8. Titi Gajah	Bendang	SP 6762	30r. 149j.	28.10.68	khas
9. Kubang Rotan	Bendang	SPK 8401	1r. 367j.	1.6.69	an
10. Tebengau	Bendang	SPK 4668	5r. 307j.	18.6.69	an
11. Padang Lalang	Bendang	SK 7751	-	28.4.69	khas
12. Teluk Keeai	Bendang/ Kampung	SP 49041	9r. 306j.	23.6.71	an
13. Pengkalan Kundur	Bendang	SPK 59	38j.	9.9.71	an
14. Pengkalan Kundur	Tapak rumah	GM 212	15,783k.p	2.3.72	khas
15. Alor Merah	Kampung	SPK 14249	1r. 399j. 62k.p	2.11.72	khas
16. Tongkang Yad	Bendang	161/1973	1 ekar 1r.	18.3.74	khas
17. Seberang Perak	Bendang	155/1973	5,765k.p	18.3.74	khas
18. Kampung Tualang	Bendang	-	14ekar 2r.	18.8.74	khas
19. Derga	Bendang	SP 4249	2r. 291j.	-	khas
20. Derang	Bendang	SPK 17961	2r. 108j.	22.11.75	khas
21. Titi Gajah	Bendang	SP 8907	1r. 392j.	22.11.75	khas

r = relong, j = jenba, k.p. = kakiposegi.

Daerah Kubang Pasu

Mukim	Syarat	Nombor Surat Keterangan	Luas	Tarikh Serah Milik	Jenis Wakaf
1. Tunjang	Bendang	SA 426/1960	8r. 126j.	2.6.66	am
2. Jerlun	Bendang	SPK 9314	7 ekar	4.6.66	am
3. Padang Perahu	Bendang	SP 23076	10r.92j 20 k.p	28.3.67	Khas
4. Putat	Bendang	SP 43902	10r. 322j	28.3.67	khas
5. Jerlun	Bendang	SA 485/1960	4r. 463j	29.4.68	khas
6. Jeran	Bendang	SPL 129	326j	13.10.68	khas
7. Jeran	Bendang	Geran No. 0215	10r. 357j.	9.4.69	am
8. Jeran	Bendang	Geran No. 0218	8ekar 63r.	9.4.69	am
9. Jeran	Bendang	Geran No. 0219	4r. 272j.	9.4.69	am
10. Jeran	Bendang	SP 57376	1r. 166j.	7.10.69	am
11. Naga	Bendang	SP 39750	2r. 42j.	14.9.71	am
12. Sanglang	Bendang	SPK 10200	4r. 119j.	14.8.71	am
13. Jeran	Bendang	SPL 112	7r.366j. 49 k.p.	3.4.72	khas

Daerah Padang Terap

Mukim	Syarat	Nombor Surat Keterangan	Luas	Tarikh Serah Milik	Jenis Wakaf
1. Belinbing Kanan	Kebun Getah	SPK 6199	5r. 120j.	30.4.68	am
2. Batang Tunggang Kanan	-	HS(M) 47 QT(M) 46	2ekar 1r.	13.9.73	khas
3. Batang Tunggang Kanan	-	HS(M) 46 QT(M) 402	1ekar 2r.	13.9.73	khas
4. Kuala Nerang	-	HS(M) 183	2r. 11k.p	28.10.74	khas
5. Kuala Nerang	-	HS(M) 266	4ekar 3 r.	-	khas
6. Kuala Pai	-	HS(M) 326	1 ekar	6.1.75	khas
7. Tekai	-	HS(M) 881	1ekar 1r.	-	khas
8. Alor Fai	-	SA 254	2r.	-	am
9. Alor Fai	-	SP 5477	3r. 420j.	-	am
10. Kampung Tandop Besar	-	QT(M) 543	2r. 4 k.p	21.4.73	khas

Daerah Yan

1. Yan	Bendang	SPK 389	5r. 94j	17.4.66	am
2. Sala Besar	Bendang	SPK 6760	2r. 474j.	18.3.67	am
3. Dulang	Bendang	SPK 952	2r. 363j.	18.11.69	an
4. Yan	Bendang	SPK 2573	2r. 325j.	5.4.71	khas
5. Kuala Sungai Linau, Sungai Daun.	Bendang	QT(M) 7	4 ekar	16.10.72	khas

Daerah Baling

Mukin	Syarat	Nonbor Surat Keterangan	Luas	Tarikh Serah Milik	Jenis Wakaf
1. Bakai	Kampung	SPK 18556	1r. 453j.	7.10.66	am
2. Baling	-	QT(M) 32	36 k.p 2 ekar	-	khas
3. Baling	-	QT(M) 11	4 ekar	-	khas

Daerah Sik

1. Kampong Balong Ayan	-	HS(M) 545	lekar 1r	24.4.73	khas
------------------------	---	-----------	----------	---------	------

Daerah Bandar Baharu

1. Serdang	Kebun Getah	GM 34	8ekar 1r.	8.10.67	khas
2. Sungai Batu.	Kampung	QT(M) 003-15	2ekar 676 k.p.	1.3.72	khas

Daerah Kuala Muda

1. Bukit Meriam	Kampung	SP 46600	210j. 20k.p	13.11.71	am
2. Sungai Pasir	Kampung	SPK 3047	204j	5.10.67	khas
3. Merbok	Kampung	QT(M) 3/1972	3ekar 3r.	6.11.72	am
4. Sungai Petani	-	QT(M) 84/ 1973	-	10.9.73	am
5. Merbok	-	QT(M)	-	10.9.73	am
6. Merbok	Bendang	SP 42549	7ekar 164j	24.12.72	khas
7. Merbok (Bujang)	Bendang	SPK 3339	2r. 174j.	22.11.75	khas
8. Bujang	Bendang	SPK 33846	2r. 214j.	22.11.75	khas
9. Bukit Meriam	Bendang	SPK 40351	1r. 419j.	22.11.75	khas

Daerah Kulin

Mukim	Syarat	Nombor Surat Keterangan	Luas	Tarikh Serah Milik	Jenis Wakaf
1. Sungai Seluang	Kampung	SP 2539	5r. 244j.	17.7.69	am
2. Serdang					
2. Naga Lilit	Kebun Getah	SPK 1827	1r. 87j.	1.9.71	am
3. Kulin	Kampung	Geran No. 63926	38j. 38kp.	11.5.75	am
4. Bagan Sena	Kebun Getah	SPK 691	5r. 39j.	22.11.75	khas.